



Wanita Islam pertama yang memenangi Anugerah Nobel Keamanan ini menyakitkan hati ulama konservatif dengan tidak bertudung ketika di Oslo

SHIRIN EBADI

Menggoncang Iran

Oleh MOHD. ZUKI PILEH

Woman - Achievement
p: 62-63

DIA tidak memakai tudung ketika berada di Oslo, Norway, 10 Disember lepas untuk menerima secara rasmi Anugerah Nobel Keamanan 2003. "Tindakan saya memang selalu menyakitkan hati sesetengah orang, tetapi itu tidak penting. Saya mahu wanita Iran bebas untuk memakai hijab atau pun tidak," kata Shirin Ebadi mengulas tentang peraturan pakaian wanita yang dikuatkuasakan di Iran sejak revolusi 1979.

Tokoh perundangan, bekas hakim, pensyarah, penulis, dan aktivis hak asasi manusia, Shirin merupakan wanita Muslim pertama yang mendapat penghargaan Nobel yang bernilai AS\$1.3 juta itu. Beliau ialah tokoh Muslim ketiga setelah Yasser Arafat (1994) dan Anwar Sadat (1978), dan merupakan wanita kesebelas setelah Jody Williams (1997) dalam 103 tahun sejarah Nobel. Shirin terpilih daripada 165 calon, termasuk Paus Yohanes Paulus II dan bekas Presiden Ceko Vaclav Havel yang sebelumnya disebut-sebut bakal memenangi hadiah Nobel.

Selepas diberitahu tentang pemilihannya sebagai pemenang Anugerah Nobel pada Oktober lalu, Shirin telah mengadakan sidang akhbar tanpa memakai selendang - tindakan yang menerima kritikan hebat daripada golongan ulama konservatif di Iran. Namun beliau tidak pula memperkecilkan orang yang memakai tudung.

Dalam satu wawancara yang diberikannya kepada akhbar Jerman, *Tageszeitung*, Shirin berkata wanita Islam yang memakai tudung tidak melihatnya sebagai tanda kelemahan. Bahkan, sebaliknya, mereka berasa lebih kuat daripada lelaki. "Memakai tudung diwajibkan di negara saya, saya hormati undang-undang di negara saya. Jadi saya memakainya. Di sini (di Eropah) saya mempunyai pilihan, lalu saya memilih untuk tidak memakainya," ujar beliau.

Shirin bagaimanapun berkata mereka yang memakai tudung atas sebab peribadi dan tidak cuba memaksa orang lain memakainya harus dibenarkan menurut kehendak mereka. "Ia sama seperti kita harus dibenarkan berjalan memakai topi," katanya. Bagi Shirin, bukan agama yang menindas wanita, tetapi masyarakat yang dikuasai lelaki yang cu-

ba mengenakan tekanan dan menggunakan agama untuk menindas wanita.

Dalam pada itu Shirin bertegas bahawa wanita-wanita Islam yang tinggal di Eropah perlu dibenarkan memakai tudung kepala seperti yang dikehendaki oleh ajaran agama Islam.

"Jika seseorang wanita mahu memakai tudung kepala di Eropah, dia sepatutnya dibenarkan berbuat demikian," katanya kepada majalah *Der Spiegel* dari Jerman dalam satu wawancara baru-baru ini. Isu mengenai tudung kepala merupakan satu isu semasa dan sensitif di Jerman dan Perancis. Di Jerman, berlaku perbalahan pendapat mengenai sama ada tudung kepala sepatutnya dibenarkan di sekolah-sekolah awam selepas sebuah mahkamah perlembagaan membuat keputusan pada September lalu bahawa ia boleh dipakai di sekolah-sekolah. Di Perancis, isu tudung kepala sentiasa ditimbulkan. "Cara seseorang berpakaian itu merupakan satu keputusan peribadi," kata Shirin kepada majalah berkenaan.

Memenangi Anugerah Nobel tidak mengubah kehidupannya walaupun Shirin mengakui dia semakin sibuk. "Saya cuba menjalani kehidupan biasa. Saya masih makan malam bersama-sama keluarga. Apabila pulang ke rumah, saya tidak menjawab sebarang panggilan telefon," jelasnya.

"Tetapi saya mendapat semakin banyak permintaan untuk membela kes. Apabila saya pulang dari Oslo, saya akan cuba berhenti memberikan temu bual kerana saya perlu beri tumpuan kepada kerja saya sebagai peguam dan pejuang hak asasi manusia."

Sarjana undang-undang dari Universiti Teheran yang lahir pada 1947 ini berjuang selama 25 tahun untuk menegakkan keadilan di Iran. Hasil kempen yang dilakukan oleh tokoh seperti Shirin, undang-undang keluarga di Iran mengalami perubahan. Salah satunya ialah seorang suami tidak lagi secara automatik dapat menceraikan isterinya tanpa membayar wang perceraian.

Sejak pelantikan presiden yang mendukung pembaharuan, Mohammad Khatami, pada 1997, Iran telah melonggarkan halangan ke atas wanita. Kini semua pekerjaan terbuka kepada wanita. Namun para aktivis wanita berasa banyak yang perlu dilakukan. Antara lain, saksi wanita

tidak diizinkan mahkamah. Wanita tidak berhak ke atas anak selepas bercerai dan tidak boleh meninggalkan negara tanpa izin suami.

Sebagai peguam Shirin terlibat dalam beberapa kes politik yang kontroversi. Dia mewakili para keluarga penulis dan cendekiawan yang dibunuh antara tahun 1999 dan 2000. Dialah yang berjaya membongkar konspirasi di sebalik serangan terhadap mahasiswa di Universiti Teheran tiga tahun lalu.

Disebabkan aktiviti-aktivitinya, Shirin pernah meringkuk dalam penjara pada Jun 2000 bersama seorang peguam lain. Kesalahannya ialah mengedarkan pita relawan militia yang terlibat dalam tindakan ganas ke atas golongan reformis.



Selepas tiga hari dipenjarakan, dia dijatuhi hukuman oleh mahkamah tertutup untuk dipenjarakan 15 bulan lagi dan ditegah menjadi peguam selama lima tahun. Namun hukuman tersebut digantung dan dia hanya diminta membayar denda sekitar AS\$340. Dia juga pernah dipenjarakan selama beberapa minggu kerana membela keluarga mangsa pembunuhan politik. Pada tahun 2001 lalu, Shirin sempat dipenjarakan kerana menghadiri persidangan pembaharuan Iran di Berlin.

Shirin Ebadi merupakan hakim wanita pertama sebelum revolusi 1979. Dia mengelak terlibat dalam politik ketika itu. Namun setelah revolusi, dia menyertai gerakan untuk cuba merubah imej Kementerian Keadilan demi membina Iran yang mengatasi demokrasi Barat. Namun gagasannya bertentangan dengan golongan ulama yang memfatwakan wanita tidak boleh menjadi hakim kerana kononnya wanita terlalu menurut pera-

saan. Akibatnya, Shirin diturunkan menjadi penolong guaman. Sejak itulah dia bertindak untuk membela keadilan bagi wanita dan kanak-kanak.

Shirin merupakan pengasas dan pemimpin Association for Support of Children's Rights. Dia juga telah menulis beberapa buku akademik dan artikel yang mengangkat isu hak asasi manusia. Di antara buku-bukunya yang sudah diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris ialah *A Study of Legal Aspects of Children's Rights in Iran* (1994), yang diterbitkan dengan sokongan UNICEF, dan *History and Documentation of Human Rights in Iran* (2000).

Ibu kepada dua anak perempuan ini meraih ijazah undang-undang dari Universiti Teheran. Kini dia mengajar di situ. Dia meninggalkan negaranya seketika sebagaimana ramai wanita profesional Iran selepas revolusi. Dia terus cergas. Selepas bersara, dia meneruskan khidmat guaman persendirian dan menjadi perunding cara dengan pelbagai syarikat dan mula menulis buku.

Suaranya lantang membela pelajar dan aktivis politik yang dipenjarakan, hak wanita dan kanak-kanak. Pada 1997, dia menuntut keadilan bagi kes Arian Golshani, anak perempuan sembilan tahun yang didera mati oleh anggota keluarganya, termasuk ayah dan abang tirinya. Undang-undang Iran menghindar ayah daripada dituduh membunuh anaknya. Akhirnya hanya abang tiri gadis malang tadi dihukum. Kes itu menarik perhatian seluruh negara.

Dua lagi tokoh wanita Iran ialah Mehrangiz Kar, peguam keluarga dan hak asasi, dan Shahla Lahidji, penerbit buku yang lantang. Bersama Shirin, mereka diberi julukan 'Tiga Musketeer'.

Sejak sekian lama wanita dianggap duri dalam daging kepada ulama konservatif yang mahu merubah imej Iran sebagai negara republik Islam. Anehnya, Shirin tetap tegas dalam perjuangannya. Malah Shirin berkata, dia tidak gentar dengan ancaman-ancaman untuk membunuhnya.

"Ia bukan suatu perkara baru. Saya sudah menerima ancaman bunuh sejak 10 tahun lalu menerusi panggilan telefon dan surat. Saya telah menolak tawaran bagi diadakan pegawai keselamatan untuk saya, walaupun apabila saya pergi ke sesuatu tempat yang tidak ramai orang saya beritahu Kementerian dalam negeri." □